



PROGRAM I'DAD

PROGRAM I'DAD

Outcome-Based Education (OBE) – Program I'dad

Edisi ketiga 2025
Edisi kedua 2021
Edisi pertama 2018

Dibangunkan oleh Unit Pendidikan, Ma'ahad An-Noer

Hak Cipta © Ma'ahad An-Noer

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada bahan ini boleh disalin semula dalam mana-mana cara tanpa kebenaran secara bertulis daripada Ma'ahad An-Noer.

Ringkasan KANDUNGAN

- 05** Panduan Program
Program I'Dad
- 06** Silibus Tafaqquh
- 07** Program I'dad Selama 2 Tahun
- 08** Penerapan Methodologi
- 09** Penutup

PANDUAN PROGRAM

PROGRAM I'DAD

Program i'dad ialah satu program persediaan awal atau asas sebelum seseorang pelajar memasuki peringkat pengajian yang lebih tinggi, khususnya dalam program tafaqquh. Di peringkat i'dad tidak dimasukkan silibus yang terlalu banyak. Ini kerana keutamaan i'dad adalah penguasaan terhadap kitab yang dibaca, yang meliputi kemampuan membaca dan kefahaman. Bukan hanya sekadar pernah mengkhatamkan kitab-kitab tersebut.

Namun tidak bererti di i'dad tidak mempelajari kitab-kitab atau subjek selain fiqh, kerana guru-guru di i'dad memilih kitab yang dapat dijadikan sebagai dasar dalam tiap-tiap subjek tersebut, khususnya yang dapat mempersiapkan mereka untuk masuk ke program tafaqquh.



SILIBUS I'DAD

BIDANG	KITAB / SUBJEK	BIDANG	KITAB / SUBJEK
Hadith	Matan Al-Arba'in Nawawiah	Tasawwuf	Maraqil Ubudiyah Syarah Bidayatul Hidayah
	Mukhtasar Ibnu Abi Jamrah	Usul Tafsir	Al-Qoulul Munir Fi Ilm Usul Tafsir
	Bulughul Maram	Mustolahah Hadith	Al-Qowaidul Asasiyyah
Fiqih	Fathul Qorib	Usul wa Qaidah Fiqh	Mabadi' Awwaliyyah
	Ma'badi Fiqiyyah		As Sulam
Tauhid	Matan Ummul Barahin	Sirah	Khulasoh Nurul Yaqin Fi Sirroh Sayyidil Mursalin (4 Jilid)
	Jalaul Afham Syarah Aqidatul Awwam	Adab wa Akhlak	Makanatul Ilmi wal Ulama'
	Sifat 20		Ta'limul Muta'allim
Lughoh	Durusul Lughotul Arobiyyah	Nahwu	Matan Jurumiyah
	Al-Munir		Tuhfatus Saniyah Syarah Jurumiyah
Sorof	Kitabut Tasrif		Mutammimah
	Sofahat Sorofiyyah		Sofahat Nahwiyyah
Tajwid	Hidayatul Mustafid		
	Risalah Ilmu Tajwid		

PROGRAM I'DAD SELAMA 2 TAHUN DENGAN 4 SEMESTER DAN KLASIFIKASI SEBAGAI BERIKUT:

Semester 1

- Khusus Nahwu Sorof, Adab dan Bahasa Arab dasar.

Semester 2

- Subjek utama Fathul Qorib (sampai akhir bab haji) dengan penumpuan dalam latihan membaca dan i'rob. Dalam semester ini pelajar dikehendaki membaca dan memberi makna di hadapan guru, ditambah beberapa pelajaran lainnya.

Semester 3

- Subjek utama Fathul Qorib (dari awal sampai akhir bab haji) dengan penumpuan dalam pemahaman. Dalam semester ini guru lebih banyak menerangkan kepada pelajar.

Semester 4

- Pelajaran utama Fathul Qorib (dari bab mu'amalat hingga selesai) dengan penumpuan dalam latihan membaca, i'rob dan pemahaman. Kaedah semester ini seperti semester 2 juga ditambah guru lebih menerangkan kepada pelajar.

Pengklasifikasian seperti ini mempunyai beberapa faktor:

- A) Kebanyakan pelajar yang masuk i'dad adalah awam dalam bab membaca kitab arab, sehingga sangat memerlukan kesabaran dan waktu khusus untuk latihan membaca dengan bimbingan guru.
- B) Kebanyakan pelajar tidak didedahkan kepada latihan membaca di pondok sebelumnya. Mereka hanya mendengar daripada latihan membaca dan ini mengakibatkan lemahnya bacaan kitab mereka, terutama ketika diminta membaca kitab yang belum diajarkan oleh gurunya.

PENERAPAN METHODOLOGI PROGRAM I'DAD

Berlandaskan dengan hadith Nabi SAW: “Orang alim (pengajar) dan pelajar adalah dua orang yang berkongsi dalam kebaikan”. Maka disampaikan kepada i'dad bahawa sasaran dalam mempelajari setiap kitab adalah 4 perkara:

- ➡ Mufrodat : Mengetahui erti kosa kata per lafaz.
- ➡ Harokat : Mengetahui baris bacaan dengan menggunakan ilmu nahwu dan sorof.
- ➡ Mafhumat : Mengetahui maksud dari pembahasan atau pembicaraan yang ada dalam kitab itu.
- ➡ Maklumat : Mengetahui pengetahuan atau keterangan tambahan terkandung di dalam kitab.

Dari keempat-empat objektif ini, objektif pertama dan kedua adalah tugas pelajar. Sehingga pelajar yang ditugaskan mencari erti per kata dari kamus dan melatih bacaan kitab dengan menggunakan ilmu nahwu dan sorof serta bimbingan guru. Manakala objektif ketiga dan keempat adalah tugas pengajar atau guru.

Mereka bertugas membimbing pemahaman yang betul kepada pelajar dengan menambahkan keterangan yang tidak terkandung dalam kitab sesuai kemampuan mereka. Tentu perkara ini akan menjadi pemangkin bagi guru untuk muthola'ah. Dengan musyarakah (kerja sama) seperti ini diharapkan pelajar akan sungguh-sungguh menguasai terhadap apa yang dipelajari.



PENUTUP

Sila hubungi nombor telefon dan email yang tertera seperti di bawah bagi sebarang pertanyaan mengenai program atau kemasukan.



Ma'ahad An-Noer

Lot 5559, Kg. Chemporoh, Janda Baik, 28750 Bentong,
Pahang Darul Makmur



Hubungi / whatsapp:

+6013-340 2168



Emel:

management.maahadannoer@gmail.com